



SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI KERJA SOSIAL SEDUNIA 2022

PUTRAJAYA, 15 MAC – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Pekerja Sosial bersempena sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2022. Ucapan Perasmian Sambutan Hari Pekerja Sosial 2022 YB Datuk Seri Rina, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dibacakan oleh YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM. Pada tahun ini, *International Federation of Social Workers* (IFSW) telah memilih ***Co-Building A New Eco-Social World: Leaving No One Behind*** iaitu **Bersama Membina Eko-Sosial Baharu Dunia: Tiada Yang Tertinggal** sebagai tema Hari Kerja Sosial Sedunia 2022. Tema ini memberi gambaran tepat mengenai peranan signifikan pekerja sosial sebagai agen dalam mewujudkan eko-sosial yang seimbang meliputi segenap lapisan masyarakat seterusnya membantu meningkatkan kefungsian dan kesejahteraan sosial khususnya kepada kumpulan sasar KPWKM. Tema ini bermatlamat untuk memastikan tiada yang tertinggal dari mencapai kesejahteraan sosial menerusi pembentukan eko-sosial baharu dunia.

“Kementerian kini dalam peringkat akhir penggubalan draf Rang Undang-Undang Profesional Kerja Sosial. Melalui perundangan ini, profesion kerja sosial akan diiktiraf melalui pendaftaran dan perakuan amalan yang dikawal selia oleh Majlis Profesional Kerja Sosial. Selain itu, Kementerian melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga telah memberi keutamaan kepada kursus-kursus berkaitan kerja sosial di peringkat Diploma dan Ijazah Pertama yang ditawarkan oleh universiti awam dan swasta seperti pengurusan kerja sosial, psikologi kanak-kanak dan keluarga, pendidikan awal kanak-kanak dan sains sosial dengan pengkhususan dalam pengajian kerja sosial dan

pembangunan manusia sebagai kelayakan akademik bagi Gred S29 atau S41. Sehingga 11 Mac 2022, KPWKM menerusi JKM mempunyai seramai **3,791 orang pegawai Skim Sosial (Skim S)** yang menjalankan praktis kerja sosial kepada kumpulan sasar Jabatan” menurut Encik Mohd Yusri ketika membaca teks ucapan Sambutan Hari Pekerja Sosial 2022 mewakili YB Datuk Seri Rina.

Komitmen Malaysia khususnya KPWKM terhadap profesion kerja sosial ini tidak terhad kepada inisiatif yang dijalankan di peringkat nasional. Di peringkat antarabangsa, Malaysia berperanan aktif di dalam *ASEAN Social Work Consortium* (ASWC). Selain itu, Malaysia juga telah diberi mandat dan kepercayaan dalam latihan dalam bidang kerja sosial dari anggota negara ASEAN menerusi pelantikan dan pengiktirafan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai Ahli Lembaga Pengurus *ASEAN Social Training Centre for Social Work and Social Welfare* (ATCSW). ATCSW merupakan pusat kecemerlangan pekerja sosial di peringkat ASEAN yang menawarkan kursus, latihan, pertukaran kemahiran dan kolaborasi di peringkat ASEAN.

Adalah menjadi harapan KPWKM agar program yang telah dirangka menerusi kolaborasi strategik antara KPWKM, JKM, Institut Sosial Malaysia (ISM), Persatuan Pekerja Sosial Malaysia dan universiti awam dan swasta sempena Hari Kerja Sosial pada tahun ini dapat meningkatkan pemahaman orang awam mengenai “kerja sosial” khususnya dan profesion kerja sosial secara amnya. Sokongan Kerajaan terhadap usaha-usaha ke arah meningkatkan profesionalisme kerja sosial jelas membuktikan bahawa Kerajaan cakna terhadap isu-isu sosial yang kompleks dan dinamik. Selamat Hari Kerja Sosial Sedunia!

#####

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kebajikan Masyarakat